

Yap raih 'Merck Young Scientist Award 2010'

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
upen@bharian.com.my

HASIL penyelidikan *Histag Hepatitis B Core Antigen* diumumkan sebagai pemenang pada majlis *Merck Young Scientist Award 2010* bagi kategori kromatografi.

Projek penyelidikan pelajar sarjana Universiti Putra Malaysia, Yap Wei Boon, 27, itu berupaya mengesan penyakit hepatitis B dan merangsang sistem imuniti badan.

Kejayaan itu melayakkannya untuk dinobatkan sebagai *Merck*

Young Scientist 2010 dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000 dan sijil penyertaan.

Wei Boon berkata, *Histag Hepatitis B Core Antigen* adalah sejenis cecair antigen yang diperoleh dalam bakteria melalui proses kromatografi dan ia boleh meningkatkan sistem imuniti badan pesakit hepatitis B.

"Kromatografi ialah proses mengasingkan sesuatu bahan yang dikehendaki atau tidak. Dalam konteks ini saya mengasingkan antigen yang

terdapat dalam bakteria yang sangat berguna untuk mengesan penyakit hepatitis B selain meningkatkan imuniti badan.

"Penyelidikan ini juga dapat menghasilkan antigen yang lebih murah berbanding material yang diimport kerana proses menghasilkannya lebih mudah daripada kaedah sedia ada," katanya yang mengambil masa setahun setengah untuk menyiapkan penyelidikan itu.

Beliau kini melanjutkan pelajaran dalam Doktor Fal-

safah jurusan Kejuruteraan Genetik dan Biologi Molekul berjaya menghasilkan produk melalui penyelidikan mengenai pencegahan alternatif penyakit hepatitis B menerusi vaksin atau diagnosis.

Hadiah disampaikan Pengarah Urusan Merck Sdn Bhd, Justus Krause-Harder. Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datin Paduka Dr Khatijah Yusof dan Duta Jerman di Malaysia Dr Guenter Gruber.



YAP bersama trofi dan sijil yang dimenangi.